

Kakitangan awam perlu bekerja melampaui kebiasaan

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu kakitangan awam menjadikan sikap bekerja melampaui kebiasaan sebagai suatu perkara normal sekiranya mahu mutu perkhidmatan awam di negara ini bertaraf dunia.

Bagi mencapai matlamat tersebut, jelas Timbalan Perdana Menteri, kakitangan awam perlu mengubah minda serta sikap mereka daripada seorang pentadbir dan pengatur kepada seorang fasilitator proaktif dan penyokong efisien pembangunan negara.

Beliau menambah, dengan wujudnya globalisasi dan kuasa-kuasa baru ekonomi seperti China dan India, kakitangan awam perlu peka serta mengikut perubahan semasa supaya tidak ketinggalan.

"Kakitangan awam perlu kreatif, selalu bertanya dan mencari-cari cara baru semasa bekerja atau melakukan sesuatu.

"Metodologi yang sama dan sudah lapuk tidak lagi sesuai diguna pakai dalam persekitaran baru dan sudah jauh berubah ini," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam ke-11 di sini, hari ini.

Persidangan selama dua hari itu dianjurkan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) serta Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD).

Kira-kira 600 orang termasuk dari luar negara khususnya ASEAN, menyertai persidangan tersebut.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam dan Presiden PPTD, Tan Sri Aseh Che Mat.